

Abdullah perlu jadi PM lebih sepenggal

Oleh HAMDEN RAMLI
dan YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 12 Nov. - Pemimpin UMNO dan kerajaan sependapat bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi perlu diberi masa lebih sepenggal sebagai Perdana Menteri untuk menjayakan setiap rancangan yang diatur bagi membangunkan rakyat dan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** berkata, Abdullah memerlukan lebih daripada sepenggal sebagai Perdana Menteri untuk melaksanakan dasar-dasarnya.

Kata beliau, kenyataan Abdullah yang bertegas untuk 'tidak lari' harus disokong rakyat sekali gus memberi peluang kepada Perdana Menteri untuk membawa negara lebih jauh ke depan.

"Saya berasa sukacita dengar Perdana Menteri tegas dalam perkara ini sebab saya dengar ada pihak yang kata Pak Lah tak akan kekal lama," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Hari Raya di kediamannya di sini hari ini.

Muhyiddin diminta mengulas kenyataan Abdullah yang menegaskan beliau bukan Perdana Menteri satu penggal seperti yang ditohmahkan dan mengingatkan mereka yang mengganggunya: "Saya takkan lari."

Dalam wawancara eksklusif dengan *Mingguan Malaysia* sempena Perhimpunan Agung UMNO Ke-57, Abdullah menjelaskan, beliau memerlukan masa untuk menjayakan pelaksanaan rancangan-ran-

Tengok (bekas Perdana Menteri) Tun Dr. Mahathir, awal-awal dulu dia juga menghadapi banyak cabaran tetapi sekarang kita boleh tengok kejayaannya dan PM (Abdullah) nak lanjutkan lagi kejayaan ini, takkan nak bagi sepenggal, dua penggal saja

cangan yang sedang dan akan diatur untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

Muhyiddin yang juga Naib Presiden UMNO berkata, adalah sukar untuk melihat hasil dasar-dasar yang dilaksanakan kerajaan pimpinan Abdullah sekarang dalam masa sesingkat tiga atau empat tahun.

"Tengok (bekas Perdana Menteri) Tun Dr. Mahathir, awal-awal dulu dia juga menghadapi banyak cabaran tetapi sekarang kita boleh tengok kejayaannya. PM (Abdullah) nak lanjutkan lagi kejayaan ini, takkan nak bagi sepenggal, dua penggal saja," katanya.

Ketua Menteri Melaka yang juga Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** berkata, Perdana Menteri wajar diberi peluang seluas-luasnya untuk melaksanakan Misi Nasional yang telah digariskannya sebelum ini.

"Misi Nasional merupakan visi' Perdana Menteri untuk melihat rakyat dan negara kitamaju. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri memerlukan masa 22 tahun untuk melihat kejayaan yang dikecapi oleh negara. Oleh itu berilah peluang kepada Perdana Menteri dan jangan ganggu beliau menjalankan tugasnya itu," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita sele-

pas menyempurnakan majlis penutup kursus kepimpinan Kelab UMNO Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil** berkata, mentadbir negara bukan perkara main-main dan tidak juga seperti makanan segera.

"Saya di peringkat kementerian sendiri pun memerlukan masa untuk merancang, menyusun atur pelan strategi bagi menjayakan agenda yang dirancang. Inikan pula Datuk Seri Abdullah sebagai seorang Perdana Menteri yang mentadbir sebuah negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** berkata, Abdullah memang memerlukan masa untuk membuktikan kejayaan rancangan-rancangan beliau.

"Kita kena beri peluang dan sokongan kepada kepimpinan Abdullah. Tidak adil lah hendak membuat penilaian memandangkan tempoh kepimpinan beliau baru beberapa tahun," katanya.

Pandangan serupa disuarakan oleh Ketua Puteri UMNO, **Datuk Noraini Ahmad** yang turut mahu Perdana Menteri diberi masa bagi menjayakan rancangan-rancangan pembangunan yang dirangka oleh

beliau dan kerajaan.

"Sebagai Perdana Menteri, beliau memerlukan masa untuk melaksanakan pelan tindakan pembangunan sama ada bagi jangka pendek atau jangka panjang.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, **Datuk Seri Mahdzir Khalid** berkata, setiap individu memerlukan tempoh untuk melaksanakan sesuatu rancangan apatah lagi sekiranya ia membabitkan kepentingan penduduk dan negara.

"Beri masa kepada beliau dan tengok hasilnya nanti. Ini belum apa-apa dah kutuk. Sesiapa pun yang menjadi pemimpin negara memerlukan masa (untuk melaksanakan dasar)," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menteri Besar Perlis, **Datuk Seri Shahidan Kassim** pula berkata, Abdullah telah membuktikan kemampuannya menerajui kepimpinan negara apabila berjaya mencetuskan gerakan pembangunan ekonomi yang luar biasa walaupun baru tiga tahun menjadi Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Pengerusi Barisan Nasional Kelantan, **Datuk Seri Annuar Musa** berkata, Perdana Menteri perlu diberikan tempoh lebih lama menerajui negara bagi merealisasikan segala visi yang diuar-uarkan selama ini.

MUHYIDDIN
YASSIN
Menteri Pertanian
dan Industri
Asas Tani